

DASAR KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UKM

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) beriltizam untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif kepada seluruh warga HCTM dan pelanggannya melalui budaya kerja terancang dan pengurusan risiko yang mampan serta didukung padu oleh setiap warganya.

PELAKSANAAN

Bagi menjayakan dasar tersebut, HCTM memastikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan seperti berikut:

1. Menjadikan pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan sebagai aspek penting dan bersepadu dalam pengurusan HCTM.
2. Menyediakan sumber, sistem dan latihan yang mencukupi di samping meningkatkan kesedaran dan kompetensi pekerja untuk bekerja dalam persekitaran selamat dan sihat serta mengurangkan risiko keselamatan, kesihatan dan persekitaran.
3. Mengasas, menilai semula dan mempertingkatkan kecemerlangan keseluruhan dasar, sistem, program dan prosedur kerja selamat dan sihat dari semasa ke semasa bersesuaian dengan peruntukan akta, peraturan serta piawai amalan berkaitan.
4. Memastikan segala perancangan dan prosedur dilaksanakan untuk menangani keperluan pekerja, pesakit, pelawat serta pelajar dalam keadaan biasa dan kecemasan.
5. Menyiasat dan mengambil tindakan penambahbaikan serta pencegahan dengan segera ke atas kemalangan pekerjaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku dan melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab.
6. Membudayakan pemikiran berdasarkan risiko, sistem kerja selamat dan sihat secara berterusan dalam kalangan pekerja dan pelajar berteraskan kefahaman, kompetensi, tanggungjawab dan pengaturan sendiri.



DATO' DR. AZMI BAHARUDIN
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Universiti Kebangsaan Malaysia

12 November 2024

Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital Bil.30/2024 bertarikh 12 November 2024